

# Hubungan antara Amalan Pengurusan Kewangan Pelajar dan Kursus PA305: Pengurusan Kewangan Peribadi - Satu kajian kes di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

Noraihan binti Mamat Zambi<sup>1</sup> Hasmida binti Mohamad Hassan<sup>2</sup> dan Syaiful Baharee bin Jaafar<sup>3</sup>  
<sup>1,2,3</sup>Jabatan Perdagangan,  
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim, Kedah  
[noraihan@ptsb.edu.my](mailto:noraihan@ptsb.edu.my)<sup>1</sup>, [hasmida@ptsb.edu.my](mailto:hasmida@ptsb.edu.my)<sup>2</sup>, [baharee@ptsb.edu.my](mailto:baharee@ptsb.edu.my)<sup>3</sup>

**Abstrak** - Pengurusan kewangan penting dalam memastikan tidak berlaku permasalahan kewangan yang boleh mengganggu proses pembelajaran pelajar. Bermula sesi Jun 2011, Kursus PA305 – Pengurusan Kewangan Peribadi telah diperkenalkan di Politeknik Malaysia sebagai kursus elektif yang dibangunkan oleh pihak Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Kajian ini menggunakan borang soal selidik ke atas pelajar semester akhir sesi Jun 2013 di Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah untuk melihat hubungan antara amalan pengurusan kewangan pelajar dan Kursus PA305 – Pengurusan Kewangan Peribadi. Hasil daripada kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara gelagat pengurusan kewangan pelajar bagi pelajar yang pernah mengambil Kursus PA305 – Pengurusan Kewangan Peribadi dengan mereka yang tidak pernah mengambilnya. Walau bagaimanapun tidak terdapat hubungan yang signifikan berkaitan dengan corak perbelanjaan pelajar yang pernah mengambil Kursus PA305 – Pengurusan Kewangan Peribadi dan yang tidak pernah mengambilnya. Kajian ini mendapati bahawa Kursus PA305 – Pengurusan Kewangan Peribadi dapat membantu membentuk gelagat pengurusan kewangan yang baik dikalangan pelajar.

**Kata Kunci** : Amalan Pengurusan Kewangan, Gelagat Kewangan, Corak Perbelanjaan, Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)

## I. PENGENALAN

Pengurusan kewangan adalah salah satu aspek yang sangat penting kepada pelajar. Amalan pengurusan kewangan yang baik melibatkan perancangan kewangan yang dapat membantu mengenalpasti cara-cara menyediakan belanjawan, membelanjakan sesuatu wang dan membuat simpanan. Perancangan kewangan melibatkan satu proses yang dinamik dan memerlukan pemantauan yang berterusan agar kedudukan kewangan dapat dikawal. Perancangan yang bijak dapat membantu dalam mencapai matlamat kewangan masing-masing. Menurut [1], pengurusan kewangan ialah seni dan sains dalam mengendalikan wang dan perlu dimiliki oleh individu mahupun organisasi. Pelajar akan menghadapi pelbagai masalah jika tidak mampu menguruskan sumber kewangan mereka dengan baik. Pengurusan kewangan yang tidak efektif boleh menyebabkan krisis kewangan [2].

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) merupakan sebuah agensi yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi menyampaikan khidmat nasihat, rundingan dan bimbingan kepada pihak yang menghadapi masalah dalam pengurusan kewangan peribadi. Kebanyakan mereka yang menghadapi masalah kewangan kerana kurangnya kefahaman mengenai asas pendidikan kewangan [3]. Oleh sebab yang demikian, pihak Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah membangunkan kurikulum berkaitan pengurusan kewangan peribadi untuk digunakan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seluruh Malaysia. Pengenalan kursus sebegini di peringkat Institusi Pengajian Tinggi adalah perlu untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai gelagat kewangan dan corak perbelanjaan yang baik kepada pelajar. Sehubungan dengan itu, Politeknik Malaysia telah

memperkenalkan Kursus PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi sebagai salah satu daripada kursus elektif di Jabatan Perdagangan bermula sesi Jun 2011. Antara kandungan kursus ini adalah perancangan kewangan, penetapan matlamat kewangan, pengurusan hutang, pelaburan dan perancangan di luar jangka [4].

Kelemahan pengurusan kewangan merupakan sebab utama ramai rakyat Malaysia perlu mendapatkan khidmat nasihat dari Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Lebih 20,000 individu yang mendapatkan khidmat nasihat dari Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). 23% daripadanya didapati lemah dalam pengurusan kewangan [5]. Kebanyakan pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia menggunakan dana pendidikan yang mereka perolehi untuk tujuan selain daripada perbelanjaan akademik [6]. Kebanyakan daripada pelajar-pelajar ini tidak pasti ke mana wang mereka dibelanjakan dan akibatnya mereka membelanjakannya bagi perkara yang tidak perlu. Disini timbulnya kepentingan agar semua pelajar berkemampuan untuk merancang dan menguruskan kewangan mereka dengan bijak. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat amalan pengurusan kewangan pelajar dari aspek gelagat kewangan dan corak perbelanjaan mereka.

Objektif kajian ini adalah untuk melihat samada terdapat hubungan yang signifikan antara amalan pengurusan kewangan pelajar dengan Kursus PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi. Kajian ini melihat gelagat kewangan dan corak perbelanjaan pelajar di antara pelajar yang pernah mengambil Kursus PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi sebagai kursus elektif dengan pelajar yang tidak pernah mengambilnya. Kertas kajian disusun atur dengan sorotan kajian dan metodologi, hasil kajian dan kesimpulan.

## II. SOROTAN KAJIAN

Terdapat beberapa kajian lepas yang telah dijalankan berkaitan dengan pengurusan kewangan pelajar. Hasil daripada kajian 'Persepsi Pelajar Terhadap Impak Kursus Pengurusan Kewangan Peribadi' yang dijalankan oleh [7] mendapati Kursus PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi yang dijalankan di Politeknik Port Dickson berkesan dalam meningkatkan pengetahuan, meningkatkan kemahiran dan memberi faedah atau impak besar kepada pelajar. Lebih 90% pelajar bersetuju bahawa mereka lebih berhati-hati dalam berbelanja selepas mengikuti kursus ini dan ternyata kursus ini telah berjaya mengubah persepsi pelajar untuk merancang kewangan lebih awal sebelum menempuh alam pekerjaan kelak.

Kajian yang dijalankan oleh [8] di USA mendapati bahawa pelajar yang mendapat pendidikan pengetahuan kewangan tidak mengaplikasikan ilmu pengurusan kewangan yang telah mereka pelajari sama seperti pelajar yang tidak mendapat pendidikan pengetahuan kewangan. Kajian ini juga mendapati mereka tidak pandai menyimpan dan tidak menunjukkan gelagat kewangan yang lebih baik berbanding pelajar yang tidak terdedah dengan pendidikan pengetahuan kewangan.

Sementara itu, kajian yang dijalankan oleh [9] di USA mendapati bahawa pelajar yang kurang pengetahuan berkaitan dengan pengurusan kewangan akan terdedah untuk membuat keputusan yang tidak bijak. Kajian ini juga mendapati pelajar-pelajar kolej di tidak mempunyai pengetahuan berkaitan dengan pengurusan kewangan peribadi dan ini akan menghadkan kebolehan mereka untuk membuat keputusan dengan bijak.

Menerusi kajian yang bertajuk 'Kecekapan Pengurusan Kewangan Dalam Kalangan Pelajar di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah oleh [10] menunjukkan pelajar tidak mempunyai kecekapan dalam menguruskan kewangan. Perbelanjaan mereka melebihi sumber kewangan dan pelajar lebih banyak menghabiskan perbelanjaan mereka ke arah perihal bukan akademik berbanding perihal akademik.

Kajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menyarankan bahawa beberapa contoh tingkah laku kewangan positif yang penting dan perlu diamalkan setiap individu seperti membuat belanjawan peribadi dan mematuhiinya, membuat simpanan secara konsisten, mengurangkan pinjaman terutama pinjaman peribadi, amalan membayar bil-bil utiliti dan ansuran bulanan tepat [11].

Terdapat satu kajian yang dijalankan oleh *American for Consumer Education and Competition* (ACEC) yang bertajuk *America's Money Skills Report Card* kebanyakan pelajar di Amerika tidak memahami konsep asas pengguna yang berkaitan dengan pendapatan, perbelanjaan, tabungan dan pelaburan. Keluarga tidak menyediakan pendidikan kewangan yang diperlukan. Akibatnya, para remaja kurang menitikberatkan kewangan masa hadapan dan kurangnya kebolehan mereka untuk menjadi pengguna yang efektif. Golongan muda selalu membuat keputusan yang salah berkaitan kewangan

[12]. Tabiat yang bermula pada usia muda akan terbawa-bawa sehingga mereka dewasa dan ini akan membawa kepada masalah kewangan yang besar jika tidak melibatkan campurtangan pendidikan yang efektif berkaitan kewangan. Ini disokong oleh pendapat Bartholomae dan Fox, di dalam [13], pendidikan di dalam kelas mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pendidikan kewangan pelajar.

[12] berpendapat bahawa kurikulum memberikan impak yang positif terhadap pengetahuan dan gelagat kewangan seperti tabiat menabung dan berbelanja. Hasil kajian mendapati pelajar memahami konsep simpanan, pelaburan, hutang, belanjawan dan mempunyai pengetahuan berkaitan asas-asas kewangan. Namun begitu, gelagat dan sikap mereka tidak melambangkan sedemikian. Di dalam kajian ini, hanya 21% orang pelajar yang mendapat pendidikan kewangan dan percaya mereka lebih berpengetahuan berkaitan kewangan tetapi mereka tidak menyediakan belanjawan dan membuat perbandingan harga semasa membeli. Dua pertiga daripada mereka mengakui memerlukan lebih banyak pendidikan kewangan untuk membantu menguruskan wang. Lebih 90% peratus pelajar di dalam kajian ini mengakui menerima pendidikan kewangan daripada keluarga dan rakan-rakan masing-masing berbanding daripada di sekolah.

Corak perbelanjaan pelajar ditentukan oleh keperluan dan gaya hidup pelajar semasa mereka berada di Institusi pengajian tinggi. Kajian yang dijalankan oleh [14] ke atas pelajar Universiti Teknologi MARA Pulau Pinang mendapati corak perbelanjaan pelajar berbeza mengikut jantina, semester dan lokasi penginapan pelajar. Hasil dapatan kajian ini mendapati terdapat perbezaan corak perbelanjaan antara lelaki dan perempuan dalam perbelanjaan yang berkaitan dengan perbelanjaan telefon, perkhidmatan, pembelian barangan dan perkhidmatan. Pelajar yang berlainan semester juga menunjukkan corak perbelanjaan yang berbeza. Lokasi penginapan turut mempengaruhi corak perbelanjaan seperti perbelanjaan penginapan, makanan, kenderaan, utiliti dan kesihatan.

Kajian pola pengurusan kewangan di kalangan pelajar yang menerima pinjaman kewangan PTPN di Universiti Putra Malaysia oleh [15] mendapati kebanyakan responden berpendapat jumlah pinjaman yang mereka perolehi tidak mencukupi. Pelajar perempuan lebih banyak menyimpan berbanding pelajar lelaki. Pelajar lelaki lebih memperuntukkan kewangan mereka untuk makanan, pakaian, hiburan, alat tulis, rekreasi, pengangkutan dan perubatan. Pelajar perempuan pula gemar berbelanja ke arah alat kosmetik, bil telefon, hadiah, barang kemas dan majalah hiburan. Terdapat juga kajian yang mendapati pelajar perlu sedikit masa untuk mengaplikasikan kurikulum yang dipelajari berkaitan pengurusan kewangan. Misalnya kajian yang dijalankan ke atas pelajar Institusi Pengajian Tinggi yang mengikuti kelas pengurusan kewangan, mereka mempunyai kesan jangka masa panjang yang positif terhadap gelagat kewangan seperti meningkatkan tabiat menabung [16].

### III. METODOLOGI KAJIAN

Kajian kes ini dijalankan di Jabatan Perdagangan Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah Kulim Kedah. Sampel terdiri daripada pelajar semester akhir Diploma Pengajian Perniagaan dan Diploma Pemasaran sesi Jun 2013. Kajian dijalankan menggunakan borang soal selidik yang mengandungi 3 bahagian; Bahagian A: Demografi, Bahagian B: Gelagat Kewangan Pelajar dan Bahagian C: Corak Perbelanjaan Bulanan Pelajar. Sebanyak 115 soal selidik telah diedarkan dan hanya 100 sahaja yang dikembalikan. Kajian dijalankan ke atas kumpulan kawalan (*control group*) iaitu antara pelajar yang pernah mengambil Kursus PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi dan yang tidak pernah mengambilnya.

Analisis deskriptif dan korelasi *pearson* digunakan untuk menguji hubungan antara pembolehubah gelagat kewangan pelajar. Seterusnya, analisis univariat digunakan untuk melihat perbandingan gelagat kewangan dan corak perbelanjaan antara pelajar yang pernah mengambil Kursus PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi dan pelajar yang tidak pernah mengambilnya. Corak perbelanjaan bulanan pelajar juga dianalisa menggunakan analisis deskriptif dalam bentuk peratusan.

Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan SPSS 20.0. Item – item dalam borang soal selidik telah diuji kesahannya dengan menggunakan ujian kebolehppercayaan yang menunjukkan keputusan sebanyak 0.930 (0.957) *alpha cronbach* .

### IV. HASIL DAPATAN

Panel A dalam Jadual 1 menunjukkan analisa deskriptif berkaitan dengan gelagat kewangan pelajar semester 6 di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Kajian menunjukkan purata pelajar mempunyai perancangan perbelanjaan bulanan adalah 3.01. Manakala purata pelajar mempunyai

simpanan dan tercapai matlamat kewangan adalah 2.99 dan 2.62. Kajian awal menunjukkan bahawa pelajar mampu menabung. Berkaitan dengan perbelanjaan iaitu purata pelajar menjadikan bajet sebagai panduan adalah 2.82 dan dapat mengenalpasti perbelanjaan harian adalah 2.91. Manakala, purata pelajar membuat perbandingan harga semasa belanja dan mengawal perbelanjaan mengikut keperluan adalah 3.30 dan 3.06. Kajian awal menunjukkan pelajar mampu mengurus perbelanjaan dengan baik. Berkaitan dengan hutang secara purata pelajar tidak risau iaitu 2,90. Sekiranya pelajar mempunyai hutang, purata pelajar menyelesaikannya tepat pada masa adalah 3.16. Seterusnya, secara purata pelajar membincangkan masalah kewangan dengan keluarga adalah 3.00. Analisa awal menunjukkan bahawa hutang pelajar mampu diurus dengan baik.

Jadual 1: Analisis Deskriptif

	Min	Minimum	Maximum
<b>Panel A: Gelagat Kewangan</b>			
Perancangan perbelanjaan bulanan	3.01	2	4
Simpanan masa hadapan	2.99	1	4
Matlamat kewangan tercapai	2.62	1	4
Bajet perbelanjaan sebagai panduan	2.82	1	4
Kenalpasti perbelanjaan harian	2.91	1	4
Perbandingan harga semasa belanja	3.30	1	4
Mampu mengawal perbelanjaan mengikut keperluan	3.06	1	4
Tidak pernah risau tentang hutang	2.90	1	4
Bayar hutang tepat masa	3.16	2	4
Sentiasa bincang masalah kewangan dengan keluarga	3.00	1	4

Jadual 2 menunjukkan corak perbelanjaan yang diamalkan oleh pelajar-pelajar semester akhir Jabatan Perdagangan sesi Jun 2013 di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Analisa menunjukkan pelajar membelanjakan kurang RM100 kesemua item kecuali makan dan minuman. Dapatan menunjukkan 78% dan 58 % daripada pelajar membelanjakan kurang RM100 keatas pengangkutan dan penginapan. Seterusnya, 62%, 74%, 70% dan 57 % daripada pelajar membelanjakan kurang RM100 ke atas bacaan & alatulis, utiliti, hiburan dan simpanan. Manakala 35% pelajar membelanjakan di antara RM200 hingga RM300 ke atas perbelanjaan makanan dan minum. Seterusnya, analisa menunjukkan bahawa 8% pelajar mempunyai simpanan melebihi RM500. Pelajar-pelajar ini merupakan pelajar yang melakukan kerja sambilan dan telah mempunyai perancangan untuk memulakan perniagaan selepas tamat pengajian.

Jadual 2: Corak Perbelanjaan

Perbelanjaan	Kurang RM100	RM101– RM200	RM201 – RM300	RM301 - RM400	RM401– RM500	Lebih RM500
Pengangkutan (Percent)	78	16	4	1	0	1
Penginapan (Percent)	58	23	4	1	7	7
Makanan & minuman (Percent)	27	35	23	13	2	0
Bahan bacaan & alatulis (Percent)	62	26	10	1	0	1
Utiliti (Percent)	74	20	5	1	0	0
Hiburan (Percent)	70	18	8	3	0	1
Simpanan (Percent)	57	20	9	3	3	8

Jadual 3 menunjukkan korelasi *Pearson* untuk menguji hubungan antara pembolehubah-pembolehubah gelagat kewangan. Analisis menunjukkan bahawa perancangan perbelanjaan bulanan mempunyai positif kolerasi dengan simpanan, matlamat kewangan tercapai, bajet perbelanjaan sebagai panduan,, kenalpasti perbelanjaan harian, perbandingan harga semasa belanja, mampu mengawal perbelanjaan mengikut keperluan dan bayar hutang tepat pada masa.

Jadual 4 menunjukkan analisis univariat perbezaan antara pelajar yang pernah mengambil Kursus PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi dengan pelajar yang tidak pernah mengambilnya terhadap gelagat kewangan mereka. Analisa melaporkan wujud hubungan yang signifikan ke atas beberapa aspek gelagat kewangan dengan Kursus PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi. Antara gelagat kewangan tersebut adalah seperti matlamat kewangan tercapai, bajet perbelanjaan sebagai panduan, kenalpasti perbelanjaan harian dan tidak risau tentang hutang. Dapatan menunjukkan bahawa pengetahuan yang diperolehi dari Kursus PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi mampu diaplikasi dalam kehidupan seharian pelajar.

Jadual 3: Matrik Korelasi

	Rancang belanja	Simpanan	Matlamat kewangan tercapai	Bajet bagi panduan	Kenal pasti belanja	Membuat perbandingan	Kawal belanja	Tidak risau kewangan	Bayar hutang tepat pada masa	Bincang masalah kewangan
Rancang belanja										
Simpanan	.403**									
Matlamat kewangan tercapai	.448**	.337**								
Bajet bagi panduan	.496**	.403**	.630**							
Kenalpasti belanja	.419**	.300**	.475**	.503**						
Membuat perbandingan	.348**	.241*	.218*	.287**	.360**					
Kawal belanja	.408**	.128	.254*	.395**	.525**	.492**				
Tidak risau kewangan	.087	.157	.244*	.274**	.254*	.229*	.202*			
Bayar hutang tepat pada masa	.346**	.137	.285**	.338**	.379**	.339**	.507**	.473**		*
Bincang masalah kewangan	.153	.127	.247*	.316**	.298**	.253*	.371**	.325**	.411**	

Jadual 4: Analisis Univariat perbezaan pelajar yang pernah mengambil Kursus PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi dan tidak pernah mengambilnya terhadap gelagat kewangan mereka

	(n=49) Pelajar yang mengambil Kursus PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi = 1 Min	(n=51) Pelajar yang tidak mengambil Kursus PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi = 2 Min	t- test p = value
Perancangan perbelanjaan bulanan	3.00	3.02	0.870
Simpanan masa hadapan	3.08	2.90	0.212
Matlamat kewangan tercapai	2.84	2.41	<b>0.03**</b>
Bajet perbelanjaan sebagai panduan	3.02	2.63	<b>0.02**</b>
Kenalpasti perbelanjaan harian	3.10	2.73	<b>0.03**</b>
Perbandingan harga semasa belanja	3.35	3.25	0.524
Mampu mengawal perbelanjaan mengikut keperluan	3.08	3.04	0.751
Tidak pernah risau tentang hutang	3.08	2.73	<b>0.025**</b>
Bayar hutang tepat masa	3.14	3.18	0.792
Sentiasa bincang masalah kewangan dengan keluarga	3.02	2.98	0.799

Analisis univariat seperti Jadual 5 menunjukkan perbezaan antara pelajar yang pernah mengambil Kursus PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi dengan pelajar yang tidak pernah mengambilnya terhadap corak perbelanjaan mereka. Hasil analisis mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara corak perbelanjaan pelajar dengan Kursus PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi.

Jadual 5: Analisis Univariat perbezaan pelajar yang pernah mengambil Kursus PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi dan tidak pernah mengambilnya terhadap corak perbelanjaan mereka

	(n=49) Pelajar yang mengambil Kursus PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi = 1 Min	(n=51) Pelajar yang tidak mengambil Kursus PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi = 2 Min	t- test p = value
Pengangkutan	1.18	1.41	-0.228
Penginapan	1.94	2.08	0.662
Makanan & minuman	2.37	2.24	0.546
Bahan bacaan & alatulis	1.55	1.53	0.899
Utiliti	1.41	1.25	0.219
Hiburan	1.59	1.37	0.225
Simpanan	2.24	1.90	0.284

## V. KESIMPULAN

Pengetahuan terhadap pengurusan kewangan bagi pelajar adalah penting untuk memastikan proses pembelajaran tidak terganggu. Berbekalkan pengetahuan asas ini pelajar mampu mengurus kewangan dengan lebih baik dan dapat memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pelajaran. Kajian ini dijalankan ke atas pelajar Diploma Pengajian Perniagaan dan Diploma Pemasaran semester akhir sesi Jun 2013 untuk melihat samada terdapat hubungan yang signifikan antara gelagat kewangan dan corak perbelanjaan pelajar dengan Kursus PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi.

Hasil dapatan menunjukkan bahawa pelajar yang telah mempunyai asas dalam Kursus PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi mampu mengurus kewangan dengan lebih baik. Pengetahuan awal mampu membantu pelajar mengurus kewangan ke arah yang lebih positif. Sedangkan pelajar yang tidak mempunyai pengetahuan awal tidak mampu mengurus kewangan dengan baik. Ini disokong oleh dapatan kajian oleh [ 12 ] yang mendapati beberapa gelagat kewangan seperti tabiat menabung semakin baik selepas pelajar mengikuti program pendidikan kewangan. Kajian ini telah membuktikan bahawa kurikulum pendidikan kewangan mampu mengubah beberapa gelagat kewangan pelajar ke arah yang lebih positif. Kesimpulannya, terdapat hubungan yang signifikan antara gelagat kewangan pelajar dengan Kursus PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi.

Namun demikian, dapatan kajian menunjukkan, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara corak perbelanjaan pelajar dengan Kursus PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi. Ini mungkin kerana kesemua item perbelanjaan merupakan perbelanjaan umum yang perlu dilibatkan oleh semua pelajar samada mereka yang mengambil Kursus PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi ataupun tidak. Namun begitu, corak perbelanjaan menunjukkan bahawa sejumlah besar pelajar membelanjakan kurang RM100 sebulan ke atas perbelanjaan harian termasuk simpanan.

Kajian ini dijalankan ke atas satu politeknik sahaja maka keputusan tidak memberi gambaran sebenar tentang keseluruhan politeknik. Dicadangkan pada masa hadapan, kajian perlu mengambilkira faktor pencapaian dan pensyarah yang mengajar PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi yang

mempunyai kemungkinan mempengaruhi gelagat kewangan dan corak perbelanjaan pelajar. Diharapkan Kursus PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi dapat diperkenalkan di jabatan-jabatan lain di Politeknik sebagai kursus elektif kerana program pendidikan kewangan seperti ini diharap dapat mendidik pengguna terutamanya di kalangan pelajar di Institusi Pengajian tinggi agar menjadi pengguna yang cekap dan bijak di masa hadapan.

#### RUJUKAN

- [1] Jumaat Abd Moen et. al. (2012). "Amalan Pengurusan Kewangan di Kalangan Usahawan Asnaf." Prosiding PERKEM VII, Jilid 2. P.762-769.
- [2] Braunstein S. dan Welch C. (2002). "Financial Literacy: An Overview of Practice, Research and Policy." Federal Reserve Bulletin. 445-456.
- [3] Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit. (2010). "Money Sense Getting Smart With Your Money." Kuala Lumpur : Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit.
- [4] Curriculum Development and Evaluation Division. (2010). "Kursus PA305- Pengurusan Kewangan Peribadi AKPK." Department of Polytechnic Education.
- [5] Hajah Rohani. (2009). "Ke mana wang anda?" Kuala Lumpur : Galeri Ilmu Sdn Bhd
- [6] Mohamad Fazli Sabri et. al. (2008). "Financial Behaviour and Problems among College Students in Malaysia: Research and Education Implication." Consumer Interests Annual. Volume 54. P.166-169
- [7] Zuriana binti Mohamed dan Rosniyati binti Abd Razak. (2012). "Kajian persepsi pelajar terhadap impak kursus pengurusan kewangan peribadi Jabatan Perdagangan Politeknik Port Dickson." <http://www.polipd.edu.my/v3/sites/default/files/5EduSem12.pdf>
- [8] Mandell L. dan Klein L.S. (2009). "The Impact of Financial Literacy Education on subsequent Financial behaviour." Journal of financial Counseling and Planning. Volume 20, Issue 1. P.15-24.
- [9] Chen H. dan Volpe R.P. (2002). "Gender Differences in Personal Financial Literacy among College Students." Financial Services Review 11. P 289-307.
- [10] Wan Mustaffa bin Wan Yusoff dan Moriza binti Fikri. (2011). "Kecekapan pengurusan kewangan di kalangan pelajar Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah." Proceedings Commerce Department Research Colloquium 2011. Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah.
- [11] Zaimah Ramli et. al. (2013) "Financial Behaviour of Female Teachers in Malaysia". Asian Social Science. Vol. 9 No. 8. P.34-41
- [12] Karen P.Varcoe et.al. (2005). "Using a Financial Education Curriculum for teens." Association for Financial Counseling and Planning Education. Volume 16(1). P.63-71
- [13] Danes S.M dan Haberman H.R. (2007). "Teen Financial Knowledge, Self-efficacy and Behaviour: A gender view." Financial Counseling and Planning. Volume 18. Issue 2. P 48-60
- [14] Fairus Muhamad Darus et. al. (2009). "Corak Perbelanjaan Mahasiswa Universiti Teknologi Mara Pulau Pinang." Jurnal Hal Ehwal Pelajar.
- [15] Mohd Mahfuz bin Ahmad. (2005). "Kajian pola pengurusan kewangan di kalangan pelajar yang menerima pinjaman kewangan Perbadanan Tabung Tinggi Nasional (PTPTN) di Universiti Putra Malaysia." Diakses daripada <http://elib.uum.edu.my/kip/Record/upm026955180>
- [16] Bernheim, B.D., Garret, D., dan Maki, D. (2001). "Education and saving: The Long term effects of high school financial curriculum mandates." Journal of Public Economics, P. 435 - 465